



TEKS UCAPAN

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN
HAMIDI**
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKDW BULAN FEBRUARI 2023

TARIKH/MASA

9 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)
MASA KETIBAAN: 11.00 PAGI

LOKASI

DEWAN SRI LESTARI
ARAS B1, KKDW

Bismillahi Ar-Rahman Ar-Rahim

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

SALUTASI

- YB Timbalan Menteri KKDW
- YBhg Datuk Seri KSU
- YBhg TKSU-TKSU
- Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Pengurus Besar Agensi
- Para pegawai dan petugas KKDW

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysian MADANI dan Salam Perpaduan.

MUKADIMMAH

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu ingin saya panjat rasa syukur kehadrat Allah SWT, atas kurnia serta keizinan-Nya dapat kita berjumpa lagi pada bulan ini.
2. Saya difahamkan bahawa Perhimpunan Bulan ini dihoskan oleh **Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)**. Terima kasih dan syabas buay KEMAS.
3. Suka saya ingatkan disini, dan ada saya sebutkan dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 yang lepas, bahawa Perhimpunan Bulanan Kementerian seperti hari ini adalah penting bagi memastikan

keputusan-keputusan penting Kerajaan dan Pengurusan Tertinggi Kementerian dapat disampaikan kepada semua petugas Kementerian.

4. Justeru, saya berharap Perhimpunan kita pagi ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pegawai dan petugas Kementerian agar semua faham dan terus istiqamah di dalam tugasannya “**follow up** **dan follow through**” perancangan Kementerian agar kita dapat mencapai matlamat secara bersama. In shaa Allah.

MALAYSIA MADANI

Tuan Puan dan Saudara Saudari sekalian,

5. Pada 19 Januari yang lepas, YAB Perdana Menteri telah melancarkan gagasan MADANI sebagai tonggak dalam memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.
6. Gagasan Malaysia MADANI menggariskan 6 rukun iaitu **KEMAMPANAN, KESEJAHTERAAN, DAYA CIPTA, HORMAT, KEYAKINAN** dan **IHSAN**
7. Melalui Malaysia MADANI ini, seluruh jentera dan organ Kerajaan kini mempunyai “arah” dalam memperincikan program dan gerak kerja masing-masing untuk mencapai aspirasi yang digagaskan sekaligus memberi manfaat rakyat dan negara keseluruhannya.
8. Maka, KKDW sebagai sebuah Kementerian yang amat penting dengan kumpulan sasaran yang besar, mempunyai tanggungjawab yang signifikan melalui agensi-agensi serta program-program yang

ditawarkan untuk membina sebuah negara bangsa yang diimpikan semua.

9. Suka saya ingatkan kepada semua bahawa kumpulan sasaran kita ini besar populasinya dan di luar bandar. Namun mereka tetap mempunyai impian yang sama untuk memperolehi kesejahteraan hidup selesa dan mencukupi seperti yang lain.
10. Saya yakin, pengurusan tertinggi KKDW dan agensi-agensi dibawahnya akan memastikan gagasan MADANI disesuaikan dengan dasar-dasar dan program sedia ada serta baharu, malah diperhalusi sebaiknya agar ia jelas difahami ramai, boleh diukur prestasinya, dirasai hasilnya oleh kumpulan sasaran kita.
11. Pada Jumaat ini (10 Februari 2023) seperti yang saya arahkan dahulu akan mengadakan sebuah bengkel strategik yang merangkumi beberapa aspek penting Kementerian untuk diperhalusi bersama bagi kita menjayakan agenda KKDW dalam tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang. Manfaatkan bengkel ini sebaiknya dan kita pastikan output yang dikeluarkan nanti akan memberi keberhasilan kepada rakyat secara umumnya.

ANJAKAN DEMI PEMBAHARUAN

Hadirin hadirat yang dirahmati semua,

12. Bagi mencapai hasrat di atas, adalah penting bagi kita semua meraikan pembaharuan. Pembaharuan yang menyeluruh menuntut kita semua meraikan perubahan, baik dari segi program dan penyampaian Kementerian, tetapi juga sikap dan gaya kerja.
13. Mengapa saya katakan begitu. Ada pepatah Inggeris berbunyi “**Change is inevitable**” dan “**The only constant is change**”. Untuk KKDW terus maju, perubahan perlu diteruskan kerana dunia bergerak dengan pantas. Begitu pantas sehingga kehidupan rakyat juga turut berubah.
14. Saya menyeru agar semua petugas Kementerian dan agensi-agensi dibawah KKDW untuk menyemai sikap dan penerimaan bahawa perubahan itu penting dan lebih penting perubahan itu diuruskan dengan baik dan berhati-hati bagi merealisasikan penambahbaikkan.
15. Jangan takut menyuarakan pandangan demi penambahbaikkan. Biarpun sekecil-kecil perubahan, suarakan dan saya mahu ketua-ketua harus raikan cadangan malah mencubanya sekira ianya **meningkatkan produktiviti** dan **menaikkan kualiti penyampaian** kepada kumpulan sasaran.

16. Sebagai contoh, hos kita pada pagi ini iaitu KEMAS telah melancarkan Pelan Strategik KEMAS 2022 – 2026. Pelan ini mengandungi nafas baru dan diharapkan dapat memandui KEMAS di dalam program-program yang dirancangkan seperti Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Jelajah Modul e-STREAM, Program Pendidikan Kemahiran, Program Pembangunan Komuniti dan lain-lain.
17. Pun begitu, saya berharap agar Pelan Strategik ini tidak hanya cantik di buku Pelan yang dicetak di atas '**kertas glossy**' semata-mata. Saya menyeru agar pihak pihak KEMAS dan lain-lain Jabatan serta agensi untuk memanfaatkan teknologi komunikasi dan digital agar Pelan seperti ini boleh diakses secara interaktif oleh semua golongan pengguna seperti petugas dan kumpulan sasaran yakni rakyat.
18. Tempoh hari di dalam Perhimpunan bulan Januari saya ada sebut mengenai **dashboard** data bagi memudahkan pihak Kementerian untuk membuat keputusan.
19. Ambil peluang dari capaian internet yang meluas serta penggunaan telefon pintar (**smartphone**) yang meluas termasuklah mereka di luar bandar sebagai kaedah untuk mengutip data secara terus dan langsung (**LIVE**) dari rakyat di luar bandar.
20. Data-data ini kemudiaanya diproses dan dianalisis secara kritikal oleh Kementerian dan agensi di dalam proses membuat keputusan (**decision making process**) malah boleh dikongsi dengan Kementerian-Kementerian lain demi merangka dasar-dasar negara yang lebih terkini dan dekat dengan denyut nadi rakyat.

INTERAKSI INSAN

Tuan Puan dan saudara saudari sekalian,

21. Pada masa yang sama, janganlah kita tinggalkan interaksi sesama insan yang telah lama KKDW laksanakan dibawah. Kita harus aduni dengan bijaksana perkembangan teknologi dan digital ini dengan '**personal touch**' petugas-petugas terus kepada rakyat.
22. Disebalik keghairahan dan keinginan kita untuk bergerak maju di dalam menguasai medan digital, percayalah senyuman ikhlas dan budi bahasa yang baik akan memberikan kita bukan sahaja kerjasama dari kumpulan sasaran tetapi kepuasan peribadi melihat mereka dapat dibantu beroleh kesejahteraan hidup.
23. Ingatlah relevansi KKDW ini adalah pada rakyat jelata yang masih hidup di desa dan luar bandar. Mereka mendambakan kualiti kehidupan yang baik, taraf ekonomi yang selesa dan keadilan di dalam pembangunan negara.
24. Justeru, saya juga berharap, semua yang ada disini agar terus mengekalkan silaturrahim dan hubungan baik dengan kumpulan sasaran kita, khususnya golongan muda dan belia. Sebagai contoh, Saya difahamkan Program Pendidikan Kemahiran dan Program Pembangunan Komuniti oleh KEMAS turut menyentuh penglibatan belia-belia di luar bandar.

25. Suka saya kongsikan disini, populasi golongan belia dan orang muda adalah antara yang terbesar. Malah bilangan golongan ini diluar bandar juga signifikan jumlahnya. Golongan ini sangat cakna dengan isu-isu sejagat seperti kelestarian alam dan keadilan sosial.
26. Saya harap semua pihak termasuklah KKDW dan agensi-agensi lain turut menggandakan libat urus dan penglibatan golongan belia di dalam merangka dasar dan program-program yang kita mahu tawarkan.
27. Manfaatkan teknologi digital yang interaktif dan binalah hubungan sesama insan yang baik dengan mereka agar mereka percaya dan kembali menyumbang data, idea dan tenaga di dalam melestarikan luar bandar dan di desa.

TRANSFORMASI KEMAS

28. Hari ini KEMAS menjadi tuan rumah kepada perhimpunan bulanan kita, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan organisasi yang amat penting di hati rakyat. KEMAS sebagai salah satu agensi yang paling hampir dengan akar umbi sudah semestinya menjadi mata dan telinga kerajaan untuk menyampaikan dasar-dasar kementerian yang memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar.
29. Saya berhasrat agar KEMAS dapat diperkasakan seiring-dengan perubahan masa dan kemajuan teknologi yang terkini agar ianya menjadi relevan dan menepati kehendak kumpulan sasar.

30. Pelbagai program yang KEMAS telah dan akan perkenalkan seperti program STREAM (*Science, Technology, Religion, Engineering, Arts & Mathematic*) di TABIKA KEMAS bagi meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak (PAK) dalam menggunakan teknologi dalam pembelajaran. Disusuli **Program Jelajah Modul e-STREAM** yang dimulakan pada tahun 2023 dengan penglibatan 2500 Pendidik Masyarakat TABIKA KEMAS seluruh Malaysia. Malah menjelang akhir sesi persekolahan 2023/2024 sebanyak 208,00 kanak-kanak akan mendapat manfaat dari program jelajah ini.
31. Justeru itu, komitmen, kesepakatan dan kerjasama erat melalui pelbagai strategi yang lebih memberi impak serta disokong oleh dasar strategik adalah amat penting ke arah mencapai matlamat yang ingin disampaikan oleh KEMAS.
32. Malah saya lihat, Penghasilan Pelan Strategik KEMAS 2022 – 2026, merupakan penetapan beberapa lonjakan dan strategi serta sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dilihat sebagai usaha yang murni dan seiring dengan matlamat serta hala tuju negara.

RUMUSAN

33. Saya tidak ingin bercakap panjang-panjang. Kita harus maknai masa yang kita ada dengan bijaksana. Banyak perkara telah saya kupas dan kongsikan.
34. Saya harap perkongsian saya pada pagi ini boleh diambil iktibar dan meniup semangat semua petugas KKDW dan agensi-agensi yang dinaunginya.

Sekian, Wabillahi Taufiq WalHidayah, Wassalamuaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.